

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26/01/2018

PKS Malaysia-India meterai MoU tingkat kerjasama

BH-26/1/2018 03-3

New Delhi: Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia dan India semalam menandatangani empat memorandum persefahaman (MoU) bagi meningkatkan kerjasama dalam usaha pembangunan sektor berkenaan di kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pemeteraian MoU itu disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan

Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed bersama Menteri Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana India, Giriraj Singh.

Bercakap kepada pemberita Malaysia, di sini, semalam, Najib berkata, empat MoU itu termasuklah perjanjian kerjasama antara SME Corp Malaysia dan National Small Industries Corporation India yang bertujuan meningkatkan kerjasama dalam

usaha pembangunan PKS di kedua-dua negara di samping meningkatkan daya saing mereka di pasaran antarabangsa.

MoU kedua

MoU kedua yang bernilai AS\$20 juta adalah antara Malamega Ltd (Malaysia) dan Puspathy Enclave Pvt Ltd bagi meneroka pencarian dan pembekalan bahan api fosil, pembangunan tenaga hijau boleh

diperbaharui dan usaha perniagaan bersama untuk perdagangan arang batu dan bahan api lain.

"MoU antara JS Rezeki Bumi Maju Sdn Bhd dan Software Technologies Pvt Ltd bernilai AS\$5 juta pula bagi menyediakan sistem perkhidmatan automasi yang berasaskan kepintaran buatan (AI) untuk Jabatan Imigresen Malaysia," katanya.

MoU keempat adalah antara Or-

chid Life Sdn Bhd dan Vimta Labs Limited (India) yang bernilai AS\$960,000 melibatkan kajian praklinikal dan klinikal ke atas ekstrak kacip fatimah bagi kegunaan antiobesiti.

Semua perjanjian itu dimeterai di luar Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-India yang dihadiri Perdana Menteri sempena ulang tahun ke-25 dialog ASEAN-India.

BERNAMA